

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
GRED JAWATAN/GAJI	: DH47
TARIKH KUAT KUASA	: 1 JULAI 2016
SYARAT LANTIKAN	<ol style="list-style-type: none">1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) warganegara Malaysia;(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	<ol style="list-style-type: none">2 Calon perlu memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
SYARAT LANTIKAN TERUS KE GRED DH47	<ol style="list-style-type: none">3 Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH47 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b) dan 2;(b) memiliki sijil kompetensi atau pensijilan profesional yang ditetapkan;(c) pengalaman berkerja di industri sekurang-kurangnya LAPAN (8) tahun dalam bidang berkaitan.
	<p>* Calon yang berpengalaman kurang daripada LAPAN (8) tahun boleh dipertimbangkan oleh jawatankuasa sekiranya memenuhi semua kriteria yang ditetapkan.</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN DH47 TANPA IKHTISAS PENDIDIKAN	<ol style="list-style-type: none">4 Calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:<p style="padding-left: 20px;">Gaji permulaan lantikan pada Gred DH47: RM5,125.00</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN DH47 BERSERTA IKHTISAS PENDIDIKAN	<ol style="list-style-type: none">5 Calon-calon yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:<p style="padding-left: 20px;">Gaji permulaan lantikan pada Gred DH47: RM5,353.22</p>
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	<ol style="list-style-type: none">6 Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN	7 Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	8 Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI	9 Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	10 Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	11 Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	12 Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT	13 Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH47 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.